

CNS3226

U GB 23-07 00163 BB390

Bah

KERAJAAN AKAN KAJI SAMA ADA KILANG MERCUN PERLU, KATA PM
Mahathir - Mercun

HULU LANGAT, 23 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji sama ada kilang mercun dan bunga api diperlukan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, Malaysia masih kekurangan tenaga kerja dan banyak peluang pekerjaan boleh diwujudkan melalui perusahaan kilang jenis lain.

+Saya fikir kita kena kaji kerana banyak lagi kilang jenis lain boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan memberi hasil kepada pelabur,+ katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kejadian letupan di kilang bunga api dan mercun Matan Maju Sdn Bhd di Beranang dekat Kajang semalam yang mengorbankan seorang pekerja.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan menutup sahaja kilang-kilang mercun dan bunga api di negara ini, beliau berkata kerajaan perlu berhati-hati dan bertindak secara tersusun supaya tidak ada pihak yang rugi.

+Kita tidak mahu sesiapa rugi sama ada pekerja atau towkay,+ katanya.
-- Lagi

▼23/07/14-00MST

U GB 23-07 00133 BB391

Bah

Mahathir - Mercun 2 Hulu Langat

Perdana Menteri berkata, selepas kejadian di kilang Bright Sparklers di Sungai Buloh pada tahun lepas, kerajaan tidak lagi membenarkan kilang baru jenis itu dibuka di negara ini.

Apa yang ada pada hari ini ialah kilang yang sedia ada, katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa dukacita di atas kejadian semalam dan mahukan satu penyiasatan dibuat untuk mengelakkan kejadian seumpama itu daripada berulang.

Ketika ditanya mengenai projek empangan hidro-elektrik Pergau di Kelantan, beliau berkata kerja pembinaan boleh dimulakan dan berharap gangguan yang lepas akan menjadi sejarah serta tidak menyebabkan kerugian yang besar.

Beliau mahu di masa depan, tidak ada lagi gangguan agar projek elektrik itu dapat dijalankan lebih cepat dengan kos yang tidak meningkat untuk manfaat rakyat. -- Lagi

▼23/07/14-09MST

CNS3232

U GB 23-07 00078 BB392

Bah

Mahathir - Mercun 3 (Akhir) Hulu Langat

Beliau berharap projek itu dapat disiapkan mengikut jadual.

Sementara itu, dalam wawancara khas dengan Radio Tiga Shah Alam di studio sementara di tapak perasmian projek itu, Dr Mahathir berkata, Selangor mampu mencapai tahap maju menjelang tahun 2005 dan mendahului negeri-negeri lain.

Katanya, ini kerana kedudukan Selangor yang dekat dengan ibu negara dan kemudahan dan lapangan terbang yang menarik banyak pelabur. -- Bernama

▼23/07/14-11MST